



MEDIA STATEMENT

2021 PENILAIAN SEKOLAH RENDAH (PSR) RESULTS

Thursday, 13 January 2022- The Ministry of Education through the Department of Examinations released Penilaian Sekolah Rendah 2021 results today. To ensure safety during the COVID-19 pandemic situation, this is the first time that PSR adopts an alternative means of assessing student performance, that is, using *School Assessed Marks (SAM)*. Through this approach, students were assessed based on marks attained in their assignments throughout the school year from School Based Assessment.

Of 5,997 candidates who sat for this examination, 4,162 (69.40%) are government school candidates and 1,835 (30.59%) are private school candidates. Out of these candidates, a total of 5,239 (87.36%) candidates have successfully obtained Grade A-D in all five subjects in Penilaian Sekolah Rendah compared to 5,297 (86.96%) candidates in 2020.

Meanwhile, 4,553 candidates (75.92%) obtained Grade A-C in five subjects. This is an increase from the 2020 candidates' achievement of 4,515 (74.13%) candidates.

A total of 42 schools achieved 100% of Grade A-D results for all five subjects including 25 government schools. For Grades A-C, a total of 22 schools achieved 100% results for all five subjects, of which 14 are government schools.

The number of government school candidates who obtained Grade A-C in five subjects is 2,984 (71.70%) candidates while the achievement of Grade A-C for private school candidates is 1,569 (85.50%) candidates.

A total of 1,229 candidates (20.49%) obtained Grade A in all five subjects. Out of that figure, 651 candidates are government school candidates. A total of 1,058 (86.08%) candidates out of 1,229 candidates who obtained 5 Grade A are Bruneians. Meanwhile, the achievement of candidates who obtained 4 Grade A and 1 Grade B was 567 (70.00%) out of the 810 candidates were from government schools.

Total Candidates who obtained 5A, 4A + 1B and 4A + 1C	
Year	2021
Candidates who obtained 5A	1,229 20.49%
Candidates who obtained 4A +1B	810 13.51%
Candidates who obtained 4A +1C	129 2.15%

The subjects that achieved more than 90% in Grades A-D are Malay Islamic Monarchy (98.87%), Bahasa Melayu (97.65%), English Language (95.80%) and Science (95.68%). While attainment for Mathematics is 88.83%. As for Grades A-C, the percentage of candidates who achieved Grade A-C for Malay Islamic Monarchy is 97.85%, Bahasa Melayu 94.83%, English Language 90.41%, Science 91.18% and Mathematics 78.71%.

In terms of the quality of achievements of the candidates who obtained Grade A for each subject, the total percentage as a whole is Malay Islamic Monarchy 81.34%, Bahasa Melayu 60.20%, Science 51.86%, English Language 39.75%, Mathematics 35.02%.

With the release of the 2021 PSR results, students may collect their slips at their respective schools. Private candidates can collect their result slips from the Examinations Department during office hours.

- E N D -

Issued by:

Corporate Communications Division
Ministry of Education
Brunei Darussalam

Reference: KPE/CCD/K1:2/PR/117

Date: 10 Jamadilakhir 1443H / 13 January 2022



KENYATAAN MEDIA

KEPUTUSAN PENILAIAN SEKOLAH RENDAH (PSR) 2021

Khamis, 13 Januari 2022 – Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan mengeluarkan keputusan Penilaian Sekolah Rendah 2021, pada hari ini. Penilaian Sekolah Rendah pada tahun 2021 dilaksanakan buat pertama kalinya secara kaedah alternatif iaitu *School Assessed Marks* (SAM). Melalui kaedah ini, para pelajar telah dinilai melalui tugas yang merangkumi markah pelajar-pelajar sepanjang tahun pembelajaran melalui Penilaian Kendiri Sekolah (*School Based Assessment*).

Terdapat seramai 5,997 calon PSR bagi tahun 2021 di mana 4,162 (69.40%) adalah calon sekolah Kerajaan dan 1,835 (30.59%) adalah calon sekolah swasta. Dari keseluruhan calon ini, seramai 5,239 (87.36%) calon telah berjaya memperolehi Gred A-D dalam kelima-lima mata pelajaran dalam Penilaian Sekolah Rendah pada tahun ini berbanding dengan 5,297 (86.96%) calon pada tahun 2020.

Manakala, calon yang memperolehi Gred A-C dalam lima mata pelajaran adalah seramai 4553 calon (75.92%) calon, meningkat daripada pencapaian calon pada tahun 2020 iaitu seramai 4,515 (74.13%) calon.

Sebanyak 42 buah sekolah telah mencapai keputusan 100% lulus Gred A-D bagi kelima-lima mata pelajaran termasuk 25 buah sekolah Kerajaan. Bagi Gred A-C, sebanyak 22 buah sekolah telah berjaya mencapai keputusan 100% bagi kelima-lima mata pelajaran, dimana 14 buah daripadanya adalah sekolah Kerajaan.

Jumlah calon kerajaan yang memperolehi Gred A-C dalam lima mata pelajaran adalah seramai 2984 (71.70%) calon sementara itu pencapaian Gred A-C bagi calon sekolah swasta ialah seramai 1569 (85.50%) calon.

Seramai 1229 calon (20.49%) telah mendapat Gred A dalam ke lima-lima mata pelajaran. Dari jumlah tersebut, seramai 651 calon adalah terdiri dari calon-calon sekolah Kerajaan. Secara keseluruhan seramai 1,058 (86.08%) calon daripada 1229 calon yang mendapat 5 Gred A adalah terdiri dari rakyat Brunei. Manakala, pencapaian calon yang mendapat 4 Gred A dan 1 Gred B adalah seramai 810 calon yang mana seramai 567 (70.00%) calon adalah daripada sekolah kerajaan.

Jumlah calon mendapat 5A, 4A + 1B dan 4A + 1C	
Tahun	2021
Calon mendapat 5A	1229 20.49%
Calon mendapat 4A + 1B	810 13.51%
Calon mendapat 4A + 1C	129 2.15%

Mata pelajaran yang mencapai 90% ke atas dalam Gred A-D ialah Melayu Islam Beraja (98.87%), Bahasa Melayu (97.65%), *English Language* (95.80%) dan *Science* (95.68%). Manakala bagi mata pelajaran *Mathematics* adalah sebanyak 88.83%. Bagi Gred A-C pula, peratus calon yang mencapai Gred A-C bagi Melayu Islam Beraja adalah sebanyak 97.85%, Bahasa Melayu 94.83%, *English Language* 90.41%, *Science* 91.18% dan *Mathematics* 78.71%.

Dari segi kualiti pencapaian calon yang memperolehi **Gred A** bagi setiap mata pelajaran, jumlah peratus calon secara keseluruhan ialah Melayu Islam Beraja **81.34%**, Bahasa Melayu **60.20%**, *Science* **51.86%**, *English Language* **39.75%**, *Mathematics* **35.02%**.

Dengan pengeluaran keputusan PSR 2021 ini, para pelajar yang telah menduduki peperiksaan tersebut bolehlah mendapatkan slip keputusan mereka di sekolah masing-masing. Bagi calon-calon persendirian, slip keputusan bolehlah diperolehi di Jabatan Peperiksaan pada waktu pejabat dibuka.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam

Rujukan: KPE/CCD/K1:2/PR/117

Tarikh: 10 Jamadilakhir 1443H / 13 Januari 2022